



Tanggungjawab DBKL terlalu besar dan berhadapan dengan risiko yang tinggi. Bayangkan kira-kira 10,000 pekerja terpaksa bekerja keras setiap hari untuk memuaskan kehendak dan citarasa penghuninya seramai 1.5 juta orang. Ini bererti nisbah seorang pekerja DBKL perlu memberi kepuasan dan memenuhi citarasa 1,500 orang yang berbagai ragam dan kerenah.

Bagaimanapun setakat ini DBKL sudah dapat melaksanakan tugasnya dengan cemerlang dan diakui umum. Ia sudah meletakkan Kuala Lumpur setaraf dengan bandar-bandar raya terkenal di dunia seperti Tokyo, Seoul, Melbourne dan Taipei. Kuala Lumpur sebagai pusat pentadbiran, kebudayaan dan ekonomi telah berkembang

melalui usaha-usaha DBKL sebagai memenuhi tanggungjawab selaku pentadbir ibukota.

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur kini melangkah usia

kediaman yang selesai dan aman untuk semua. Memberi perkhidmatan yang berkualiti dan berterusan merupakan hasrat yang sentiasa diterjemahkan

24 tahun dan sebagai bandar raya menjangkau 26 tahun. Kata orang tua-tua usia itu adalah usia masih muda lela dan ranum. Ibarat manusia dalam usia yang sama, tidak banyak yang dapat dilakukan. Mungkin masih belajar di tahun akhir di universiti atau kolej, masih mencari-cari haluan hidup atau baru melangkah ke alam pekerjaan. Mungkin sedang mencuba mengumpul wang untuk masa depan di samping membantu keluarga di kampung. Masih tidak mempunyai kenderaan sendiri, menaiki bas ke tempat kerja dan sudah pasti tidak mampu membeli rumah.

Cabaran sungguh hebat kerana pembangunan negara terlalu pesat, hasil daripada pertumbuhan ekonomi yang stabil dan keamanan yang berkekalan selepas Tragedi 13 Mei 1969. Kesannya Kuala Lumpur berdepan dengan masalah rumah kos rendah untuk golongan miskin. Menjelang tahun 2,005, Kuala Lumpur memerlukan 65,000 unit rumah kos rendah, sama ada dibina oleh DBKL atau kerjasama sektor swasta. Akibat kekurangan peruntukan dan tanah yang mahal, DBKL hanya mampu membina kira-kira 5,000 unit setahun.

Masih terdapat kira-kira 40,000 keluarga setingan yang menduduki tanah kerajaan, rezab sungai dan kereta api dan kawasan lombong tinggal. Matlamat



MENGUJI KEUPAYAAN KUALA LUMPUR

selari dengan pembangunan ekonomi negara sejak sedekad lalu. Ini sejajar dengan kedudukannya sebagai ibukota yang terkenal dan dihormati di kalangan antarabangsa.

Arus perubahan ini memerlukan DBKL meningkatkan kualiti pengurusan dan pentadbirannya bukan sahaja bagi mengekalkan corak pembangunan yang tertumpu pada ekonomi semata-mata, tetapi menjadikan Kuala Lumpur sebagai tempat



rencana menarik **KANDUNGAN**

20 **KUALA LUMPUR : MODEL CITY OF 21ST CENTURY**



4 **UBAH SUAI
BELANJA
HARIAN**

22 **TUNA JALAN RAYA WAJAR BERHATIHATI**

26 **MASALAH SIKAP REALITI DAN AMAN TERHADAP PEMBANGUNAN**



31 **WARGA KOTA TIDAK
BERDISIPLIN?**

30 **PUSPANITA
BERI
SUMBANGAN**

34 **MENANGANI
ISU
SETINGGAN**

1 **MENGUJI
KEUPAYAAN**

KUALA LUMPUR



10 **TENAGA TEMPATAN DIBERI KEUTAMAAN**

5. JANGAN ABAIKAN PENDIDIKAN 6. KUALA LUMPUR BUKTIKAN KEJAYAAN 8. UJIAN BESAR BAGI DATO' AZMAN ATAR 11. TOLAK ANSUR ELAK KONFLIK 12. WAWASAN BAHARU USAHAWAN BERJAYA 13. SUDUT FATWA 24. HARI WILAYAH DI SAMBUT SEDERHANA 29. MIKI MINAT PUASA 36. PERSATUAN BELIA SUSUN PROGRAM 38. DBKL TETAP JADI PILIHAN 39. ENAM CAMPUR SATU 40. KEBAJIKAN SRI LANGKAWI 41. ZAHAR KEMBALI TEGUH 42. KE LONDON DEMI SERUAN SUCI 46. KAMARUDIN CIPTA MASIHA

Suara Bandaraya

EDITORIAL

Penasihat

Sanusi bin Samid

Editor

Sariffuddin bin Ibrahim

Sub Editor

Wan Abdullah Wan Abd. Ghani

Jurufoto

Abdul Rani Mohd Sohor

Md. Ismail Isnin

Nik Rozali Nik Othman

Mubarak Atan

Konsep & Design

Shamsiah Abdul Karim

Raja Sherina Mariam Raja Sahar

Mubatak Atan

SUMBANGAN

Kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur digalakkan menyumbang sebarang berita, rencana, karikatur mengenai aktiviti jabatan dan kakitangan untuk dimuatkan dalam Suara Bandaraya.

Sumbangan ini boleh disampaikan kepada :

EDITOR

Suara Bandaraya, Bahagian Hal Ehwal Awam, Jabatan Pengurusan Organisasi, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Jalan Raja Laut 50350 Kuala Lumpur atau berhubung dengan Encik Wan Abdullah Wan Abd. Ghani.
Tel : 03-2916011 samb. 3855 dan Fax : 2980460

PERHATIAN

Semua pendapat dan fikiran dalam Suara Bandaraya tidak semestinya merupakan pendapat rasmi pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

NOMBOR TELEFON DBKL

Ibu Pejabat Bangunan DBKL	-	2916011
Hot Line (24 jam)	-	4231127
Unit Kecemasan 24 jam (JPBandar)	-	9843434
Skuad Penyelamat 24 jam		
(DPenguatkuasaan)	-	4220033
Aduan Awam	-	2934531
Aduan JKA	-	2915128
Aduan JPPerumahan	-	2912112
	-	2911686
JPelesehan	-	2986177
JP Penjaja	-	2621988
DPenguatkuasaan	-	4231133
JPengangkutan Bandar	-	2910555
JPPerumahan	-	2938166
Bhg. Keb. & Sukan	-	2933344
B Ukur Bahan	-	4417011
Pej. Caw. Cheras	-	9711889
Pej. Caw. Damansara	-	7182277
Pej. Caw. Jln. Kelang Lama	-	7826117
Pej. Caw. Kepong	-	6272900
Pej. Caw. Setapak	-	4211142

SUARA EDITOR

MEMAHAMI SITUASI SEMASA

Dari pemerhatian dan juga maklum balas yang diperolehi selama ini sememangnya terdapat beberapa masalah yang wujud di kalangan segelintir pekerja-pekerja yang secara langsung telah menjejaskan pentadbiran dan imej DBKL di kalangan warga kota dan sektor awam. Antara masalah yang dikenalpasti selama ini termasuklah produktiviti pekerja yang rendah, tidak produktif, ketidakhadiran bertugas dan ponteng kerja.

Walaupun pada asasnya jumlah mereka yang terlibat tidaklah begitu besar berbanding dengan jumlah keseluruhan pekerja-pekerja DBKL, tetapi sebagai pekerja-pekerja yang dilantik untuk memberi perkhidmatan kepada penduduk Kuala Lumpur yang berjumlah kira-kira 1.5 juta orang sepatutnya perkara ini tidak berlaku.

Sebagai sebuah organisasi yang berteraskan kepada perkhidmatan, pihak pentadbiran sentiasa memandang berat perkara-perkara sebegini dan jika perlu akan mengambil tindakan yang tegas ke atas mereka yang terlibat. Pekerja-pekerja wajar memahami hakikat ini dan akan bersama-sama dengan pihak pentadbiran untuk mengatasi masalah-masalah yang tidak langsung menguntungkan sama ada pihak pekerja ataupun organisasi DBKL.

Pekerja DBKL wajar menyahut seruan kerajaan yang mahukan semua pegawai dan pekerja-pekerja awam untuk memberikan khidmat yang terbaik kerana telah diberi amanah untuk sama-sama memikul tanggungjawab bagi memaju dan membangunkan negara ini. Gunakanlah kesempatan untuk memperbaiki kelemahan-kelemahan kita di samping bertekad untuk menjadikan diri kita sebagai pekerja terbaik di DBKL.

Walau bagaimanapun, memandang di DBKL sendiri mempunyai banyak badan kebajikan dan persatuan yang juga mempunyai peranan untuk membantu kebajikan ahli-ahlinya, para pekerja bersama-sama dengan pihak pentadbiran memastikan kempen jimat cermat yang dianjurkan oleh kerajaan bagi menghadapi masalah ekonomi negara masa kini dipraktikkan.

Dalam hal ini, DBKL mengambil langkah-langkah menjimatkan perbelanjaannya terutama perbelanjaan pentadbiran sebagai menyahut arahan kerajaan. Ini bermakna kita perlu membuat perancangan yang teliti dalam aktiviti kita dan pastikan aktiviti-aktiviti yang benar-benar perlu dan menguntungkan sahaja dilaksanakan.

Untuk ini, setiap kakitangan perlu peka dan memahami keperluan masa kini dan masa depan. Penyediaan skim-skim yang berfaedah sebagainya untuk kakitangan dan anak-anak adalah dirasakan perlu diberi perhatian kerana pihak majikan tidak dapat memikul tanggungjawab memenuhi keperluan-keperluan tersebut kepada pekerja-pekerjanya. Pentadbiran DBKL akan terus membantu kakitangan sekadar yang boleh kerana kita percaya banyak sumbangan yang telah diberikan oleh mereka dalam memaju dan membangunkan organisasi DBKL selama ini.